

USIM, Utusan anjur pesta konvo

SEREMBAN 28 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kumpulan Utusan buat jutung kalinya bekerjasama menganjurkan Pesta Konvo kesyenan USIM Kesem-bilan yang akan diadakan di universiti berkenaan di Nilai dekat sini dari 1 hingga 4 Disember ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda berkata, menerusi kerjasama tersebut, program berkenaan diyakini akan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dan sekali gus menjadikannya pesta konvo terbesar yang pernah dianjurkan oleh universiti itu.

"Kita menyasarkan 10,000 hingga 15,000 orang akan mengunjunginya pesta yang menyediakan pelbagai aktiviti serta pengisian menarik yang dirangka oleh USIM dan Kumpulan Utusan.

"Kami yakin dengan publisiti yang diberikan oleh Kumpulan Utusan, ia akan dapat mempromosikan program ini kepada orang ramai terutama

Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asim Dollah.

Menurut Muhammad, aktiviti menarik yang akan dijalankan sepanjang pesta tersebut termasuk pameran kereta, karnival kejayaan, pertandingan nasvid, futsal, mewarna serta bola jaring yang turut menawarkan hadiah wang tunai.

"Bagi memeriahkan lagi sambutan pesta tersebut, sebanyak 140 gerai jualan akan dibuka kepada para pengunjung. Lebih menarik pesta ini turut menyaksikan Kumpulan Utusan menganjurkan konsert Pancaindera, pertandingan memancing dan karaoke," katanya.

Sementara itu, Zaini dalam ucapanannya berkata, cabaran untuk menjayakan program itu akan digalas sebaik mungkin oleh warga Kumpulan Utusan.

"Saya akan pastikan rakan-rakan bekerja keras dalam memastikan kejelantaran serta kejayaan pesta konvo kesyenan ini," katanya.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

penduduk berhampiran seperti di Nilai dan Bangi untuk berkunjung ke pesta empat hari itu," katanya.

Muhamad berkata demikian pada majlis prapelanaran pesta konvo kesyenan itu di bangunan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM di sini hari ini.

Turut hadir, Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan



ZAINI Hassan (kiri) menunjukkan senarai program yang akan berlangsung kepada **Muhamad Muda** pada majlis prapelanaran **Pesta Konvo kesyenan USIM 2011** di Bangunan HEP, Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED